


Institusi Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Sabah: Aspek Konstruksi Perlembagaan dan Nilai dalam kalangan Rakyat Negeri Sabah

(The Institution of the Yang di-Pertua Negeri of Sabah: Aspects of the Constitutional Framework and Values Among the People of Sabah)

Fauzie Sarjono¹ , Asmady Idris^{2*} , Rizal Zamani Idris³ 
Marja Azlima Omar⁴ , Suzalie Mohamad⁵ , Syahrudin Awang Ahmad⁶ 

¹Program Hubungan Industri, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: fauzie@ums.edu.my

²Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: asmadyi@ums.edu.my

³Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: rizal@ums.edu.my

⁴Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: mazlima@ums.edu.my

⁵Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: suzalie@ums.edu.my

⁶Program Komunikasi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: syahag@ums.edu.my

ABSTRAK

Isu utama artikel ini adalah berkaitan dengan institusi Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sabah yang merupakan unit politik tertinggi dalam hierarki pentadbiran Kerajaan Negeri. Jika semasa era Kolonial British (1881-1963), institusi TYT dikenali sebagai 'Gabenor' yang memegang kuasa Eksekutif berbanding fungsi TYT yang lebih bersifat istiadat tetapi mempunyai kuasa-kuasa tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri Sabah selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Namun, sejak berlakunya beberapa pergolakan politik Sabah khususnya era 1985 dan 2020, peranan TYT melangkaui aspek istiadat semata-mata dan adalah amat diperlukan bagi memastikan kestabilan politik dan pemerkasaan hak kepentingan etnik Bumiputera di Sabah. Dengan demikian, objektif kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kefahaman rakyat Sabah tentang kepentingan institusi TYT dalam sistem pentadbiran negeri. Ini disebabkan kajian-kajian lepas yang lebih memfokus kepada kajian bersifat biografi dan pendekatan sejarah. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada isu dan persoalan berikut iaitu tentang latar belakang pewujudan institusi TYT, kuasa

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Asmady Idris

(asmadyi@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Tuan Yang Terutama

Fungsi Adat Istiadat

Kuasa Eksekutif

Persepsi

Sabah

KEYWORDS:

Tuan Yang Terutama

Ceremonial Functions

Executive Power

Perception

Sabah

CITATION:

Fauzie, S., Asmady, I., Rizal, Z. I., Marja, A. O., Suzalie, M., & Syahrudin, A. A. (2026).

Institusi Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Sabah: Aspek Konstruksi Perlembagaan dan Nilai dalam Kalangan Rakyat Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(4), e003934. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i4.3934>

dan fungsi TYT dan peranan kepimpinan TYT dalam hierarki pentadbiran kerajaan negeri Sabah. Metod kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis survei borang soal selidik, tinjauan umum dan kaedah temubual. Hasil kajian telah memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap kefahaman rakyat Sabah berkenaan dengan institusi TYT dan usaha-usaha ke arah mendaulatkan institusi TYT perlu dilaksanakan melalui pendidikan berterusan kepada seluruh rakyat Sabah dari masa ke semasa agar keharmonian dan kestabilan politik dapat dikekalkan.

ABSTRACT

The main focus of this article is the institution of the Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri of Sabah, which represents the highest office in the administrative hierarchy of the State of Sabah. During the British colonial era (1881–1963), the position was known as the 'Governor' and held absolute executive power. In contrast, the current TYT institution primarily performs ceremonial functions, while retaining certain discretionary powers as provided under the Sabah State Constitution following the formation of Malaysia in 1963. Nevertheless, following several political upheavals in Sabah, specifically in 1985 and 2020, the role of the TYT has become increasingly vital beyond its ceremonial ambit to ensure political stability and the preservation of Bumiputera rights. Consequently, the primary objective of this study is to analyse the level of understanding among the people of Sabah regarding the significance of the TYT institution in state governance. While numerous previous studies have focused on biographical and historical perspectives, this study addresses fundamental issues including the background of the institution, its powers and functions, and its leadership role within the state government hierarchy. The research methodology employs questionnaire surveys, field observations, and interviews. The findings provide a comprehensive overview, and analysis of the public's level of understanding. The study suggests that extensive efforts must be implemented through continuous education to uphold the sovereignty of the institution and ensure long-term harmony and political stability.

Contribution/Originality: Kajian ini boleh dianggap sebagai 'kajian perintis' yang telah menyiasat tentang peranan dan sifat 'kuasa' yang dimiliki oleh institusi TYT Negeri Sabah. Dengan menggunakan metod survei, tinjauan umum dan temubual, kajian ini telah mendapat data baru berkenaan dengan tahap pemahaman dan persepsi rakyat Sabah tentang kepentingan mempertahankan kedaulatan institusi ini.

1. Pengenalan

Institusi Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri merupakan hierarki tertinggi di dalam sistem politik dan jentera pentadbiran Negeri Sabah. Institusi TYT ini adalah sebagai ganti kepada jawatan Gabenor semasa pendudukan British di Sabah dari tahun 1881 hingga 1963 (kecuali era pendudukan Jepun di Sabah, 1941-1945). Gabenor British

Borneo Utara dalam fasa sebelum dan selepas pendudukan Jepun (1 April 1942 sehingga 10 Jun 1945) di Borneo Utara adalah Sir Charles Robert Smith iaitu melalui pelantikan oleh King George V1 (House of Windsor) untuk dua fasa berkenaan masing-masing dari tahun 1937 sehingga 1942 dan untuk fasa kedua dari 1945 sehingga 1946. Bermula 1881 sehingga 1963, British North Borneo telah diterajui oleh seramai 23 orang Gabenor British sebelum diambil alih oleh anak tempatan bermula fasa pembentukan negara Malaysia dalam tahun 1963 (Tregonning, 1965; Bahagian Korporat dan Penerbitan Perpustakaan, 2023). Apa yang membezakan antara keduanya ialah jawatan Gabenor mempunyai kuasa eksekutif penuh, manakala fungsi institusi TYT lebih bersifat istiadat tetapi mempunyai kuasa-kuasa tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri Sabah selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 (Tze-Ken ed., 2005).

Namun (sebagai permasalahan kajian), sejak tercetusnya beberapa pergolakan politik di Sabah khasnya yang melibatkan pelantikan jawatan Ketua Menteri seperti yang berlaku antara Tun Datu Mustapha dan Datuk Seri Pairin Kitingan pada tahun 1985 serta krisis antara Datuk Seri Musa Aman dan Datuk Seri Shafie Apdal pada tahun 2020 (Yun Mikhail, 2020; Junaidi Awang Besar et al., 2020) telah memperlihatkan bagaimana fungsi dan peranan TYT adalah amat diperlukan bagi menjamin kestabilan dan kemaslahatan rakyat terutamanya bagi kestabilan politik dan pengekal hak kepentingan etnik Bumiputera di Sabah (Sabihah Osman, 1992; Malay Mail, 2020; Asmady Idris & Suzalie Mohamad, 2014; Shad Saleem Faruqi, 2025). Ini kerana TYT adalah lantikan daripada Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Menteri (The Constitution of the State of Sabah, 2019; State of Sabah, 1996.), maka fungsi dan peranannya adalah sama iaitu menjaga hak-hak istimewa kaum dan etnik Bumiputera di Sabah serta juga untuk memastikan pentadbiran negeri sentiasa berada dalam keadaan teratur dan stabil.

Memandangkan kajian-kajian lepas yang amat terhad dan hanya lebih bersifat biografi dan pendekatan sejarah (Tze-Ken, 2005; Anwar Sullivan & Cecillia, 1981), maka kajian ini mengambil inisiatif untuk memperluaskan lagi skop dan metodologi perbincangan fungsi dan peranan TYT dengan memfokus dan meninjau persepsi rakyat Sabah terhadap beberapa persoalan penting. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis persepsi masyarakat umum berkaitan Institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dengan meneliti corak persepsi yang pelbagai seperti yang akan dinyatakan dalam penemuan kajian. Antara beberapa isu dan persoalan yang akan ditumpukan ialah tentang latar belakang pewujudan institusi TYT, kuasa dan fungsi TYT dan peranan kepimpinan TYT dalam hierarki pentadbiran kerajaan negeri Sabah. Ketiga-tiga persoalan ini akan diajukan kepada responden dan informan kajian di empat zon utama Sabah yang telah dikenal pasti.

Persepsi rakyat negeri Sabah adalah penting kepada penyelidik dalam mengetahui dan memahami aspek tahap pengetahuan rakyat terhadap institusi TYT yang bukan dilihat sebagai satu nama serta gelaran yang diletakkan di kedudukan tertinggi dalam hierarki kerajaan negeri, tetapi juga pandangan rakyat tentang kewujudan TYT serta impaknya kepada kehidupan dan keberkesanan pentadbiran kerajaan negeri.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kerangka Konseptual dan Latar Belakang Institusi TYT

Kajian-kajian lepas dan sumber penulisan berkaitan institusi TYT, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, hanya memfokus kepada peranan kepimpinan individu dalam konteks sistem politik pentadbiran Sabah (Mohd Nasrun Mohd Talib & Saifulazry Mokhtar, 2020; Saidatul Badru Mohd. Said et al., 2023; Mohd Nasrun Mohd Talib et al., 2024). Manakala, penulisan yang membincangkan berkaitan dengan institusi TYT adalah terhad dan kebanyakannya berfokus kepada bidang kuasa, kedudukan serta fungsi TYT di peringkat kerajaan negeri Sabah seperti kajian Tze-Ken (2005). Terdapat juga kajian terkini berkenaan dengan peranan institusi TYT dalam menstabilkan politik kerajaan negeri terutamanya selepas pilihan raya (Idris et al., 2024), namun kajian ini hanya menggunakan kajian analisis dokumentari tanpa melibatkan pandangan rakyat Sabah menerusi kajian survei. Bagi tulisan Nor Shazeelyna Abas et al. (2025) pula iaitu tentang literasi kefahaman politik hubungan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, ia juga tidak memfokus kepada institusi TYT tetapi lebih kepada analisis kefahaman tentang kerajaan demokrasi berasaskan Raja Berperlembagaan. Dalam kata lain, kajian ini boleh dianggap sebagai perintis (*pioneering study*) dalam menilai tahap kefahaman rakyat Sabah tentang peranan institusi TYT berdasarkan kajian lapangan survei dan bukannya hanya berasaskan kepada persepsi atau andaian semata-mata. Menerusi penulisan ilmiah dan perundangan yang dirujuk banyak membantu penyelidik dalam memahami ekosistem TYT dalam kerajaan dan semua ini jelas dinyatakan bukan setakat dalam peruntukan dalam perlembagaan negeri Sabah, tetapi juga disokong oleh kenyataan dalam penulisan ilmiah yang berkaitan.

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bahagian II Perlembagaan Kerajaan Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri atau ringkasnya "TYT" adalah secara rasmi Ketua Negeri bagi kerajaan Negeri Sabah. Berbeza dengan sembilan Negeri di Semenanjung yang mempunyai Raja mereka sendiri dan dipilih secara warisan keturunan, mengikut adat penggantian kesultanan Melayu, putera sulung dipilih dan diisytihar sebagai waris pertama atau bakal sultan atau raja atau yang di-pertuan besar (Abdullah Zakaria, 2019; Mohd Salleh Abas, 2015), manakala institusi TYT Sabah adalah dipilih berdasarkan lantikan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri untuk tempoh empat tahun dengan potensi pelanjutan (*Constitution of the State of Sabah, Article 2 & 3 of Sabah Constitution, 2025*) dan TYT dianggap sebagai mewakili Yang di-Pertuan Agong (Mohd Salleh Abas, 2015).

Pada dasarnya, pewujudan institusi TYT adalah diselaraskan dengan penubuhan Kerajaan Malaysia pada 16 September 1963, sesuai dengan pembentukan sebuah negara baru yang dibentuk bersama oleh wilayah Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura pada waktu itu (Nor Shazeelyna Abas et al., 2025). Sebelum itu, Sabah atau North Borneo masih di bawah Syarikat Berpiagam Borneo Utara (1881-1941) dan Kerajaan Kolonial British atau dikenali sebagai 'Crown Colony of North Borneo' (1946-1963), jawatan 'Governor' telah diwujudkan. Apa yang perlu difahami oleh semua pihak adalah dalam era pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara, Jawatan *Governor* atau Gabenor ini mempunyai kuasa pentadbiran eksekutif penuh berbanding institusi TYT pada masa kini yang lebih bersifat istiadat walau bagaimanapun masih memiliki kuasa-kuasa tertentu mengikut Perlembagaan Negeri (Tze-Ken, 2005).

Pelantikan TYT Negeri Sabah juga termaktub dalam Perlembagaan Negeri Sabah di Bahagian Pertama, Bab 1 berkenaan Ketua Negeri iaitu penasihat untuk pelantikan TYT adalah bersumberkan dari Ketua Menteri dan tempoh lantikan rasmi untuk satu penggal adalah empat tahun yang berpandukan kepada syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. *There shall be a Head of State for Sabah, to be called the Yang di-Pertua Negeri, who shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong acting in his discretion but after consultation with the Chief Minister.*
- ii. *The Yang di-Pertua Negeri shall be appointed for a term of four years but may at any time resign his office by writing under his hand addressed to the Yang di-Pertuan Agong, and may be removed from office by the Yang di-Pertuan Agong in pursuance of an address by the Legislative Assembly supported by the votes of not less than two-thirds of the total number of the members thereof.*
- iii. *The Yang di-Pertuan Agong, acting in his discretion but after consultation with the Chief Minister, may appoint a person to exercise the functions of the Yang di-Pertua Negeri during any period during which the Yang di-Pertua Negeri is unable to do so himself owing to illness, absence or any other cause; but no person shall be so appointed unless he would be qualified to be appointed as Yang di-Pertua Negeri.*

The Constitution Of The State Of Sabah Part I The State Government Chapter 1 - The Head Of State (page 5)((Constitution of the State of Sabah, Article 3 of Sabah Constitution, 2025)

Seterusnya, seperti yang digariskan dalam Perlembagaan Negeri Sabah, TYT memperturunkan kuasa eksekutif kepada Ketua Menteri Sabah menerusi peruntukan perundangan seperti yang tercatat dalam Perlembagaan Negeri Sabah seperti berikut:

Chapter 2 - The Executive Executive authority 5. The executive authority of the State shall be vested in the Yang di-Pertua Negeri but executive functions may by law be conferred on other persons. (Constitution of the State of Sabah, Article 5 of Sabah Constitution, 2025)

Ini kerana fungsi-fungsi eksekutif terletak sepenuhnya kepada bidang kuasa Ketua Menteri dan nasihat Kabinet Negeri. Dalam erti kata yang lain, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri akan membuat keputusan atas nasihat Ketua Menteri ataupun Kabinet Kerajaan Negeri Sabah berkait rapat dengan beberapa hal-ehwal pentadbiran Kerajaan Negeri . Ini termasuklah pelantikan Ketua Menteri, penangguhan memperkenankan permohonan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri dan persetujuan dari pihak TYT bagi kesemua undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan (Laman Web Rasmi Istana Negeri, 2024; Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2024).

Bahagian ini juga bertujuan membina asas sorotan literatur dan kerangka konseptual bagi menilai persepsi masyarakat terhadap institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Terdapat dua bahagian literatur yang telah digabungkan. Bahagian pertama (i) adalah mengenai konstruk perlembagaan TYT dari sudut kedudukan, fungsi, dan sempadan kuasa dalam teks perlembagaan serta amalan ataupun konvensyen. Manakala, bahagian kedua (ii) memfokus kepada nilai institusi dalam persepsi rakyat iaitu berkaitan dengan legitimasi, neutraliti, dan fungsi penstabil ketika ketidaktentuan politik berlaku. Gabungan kedua-dua bahagian membolehkan kajian ini bergerak melampaui naratif sejarah dan biografi semata-mata kepada pengukuran empirikal tentang tahap kefahaman dan penilaian rakyat (Yeoh, 2020; Norris, 1998; van Ham, 2024).

2.2. Konstruk Perlembagaan Institusi TYT: Kuasa Formal dan Ruang Amalan

Dari sudut perlembagaan negeri, TYT ialah Ketua Negeri yang menjadi komponen tertinggi dalam struktur kerajaan negeri. Namun, sebagai institusi ketua negeri

berperlembagaan, kuasa TYT beroperasi dalam kerangka kuasa berperlembagaan. Sebahagian besar fungsi eksekutif dilaksanakan melalui nasihat Ketua Menteri dan Jemaah Menteri, manakala beberapa tindakan memerlukan budi bicara yang terhad tetapi signifikan pada saat-saat tertentu (contohnya ketika pertikaian majoriti atau permohonan pembubaran Dewan Undangan Negeri). Oleh itu, pemahaman awam perlu membezakan antara kuasa formal yang termaktub dengan pola amalan ataupun konvensyen yang terbentuk melalui praktik politik (State of Sabah, 1996; Yeoh, 2020).

Peruntukan asas mengenai pelantikan dan tempoh jawatan TYT adalah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Sabah (Bahagian I, Bab 1). Secara ringkas, TYT dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, lazimnya untuk tempoh empat tahun dan boleh meletakkan jawatan melalui surat kepada Yang di-Pertuan Agong. Perlembagaan turut menetapkan bahawa kuasa eksekutif negeri terletak pada TYT, namun pelaksanaannya berfungsi melalui struktur Eksekutif Negeri (State of Sabah, 1996; Federal Constitution, 2010: 69-70).

2.3. Nilai Institusi TYT dalam Persepsi Rakyat: Legitimasi dan Fungsi Penstabil

Dalam kajian institusi politik, nilai institusi lazimnya dirujuk melalui dua dimensi yang saling berkait: (a) legitimasi dan kepercayaan institusi (penerimaan rakyat terhadap keabsahan dan kewibawaan institusi), dan (b) fungsi penstabil (*stabiliser*) dalam memelihara tertib berperlembagaan, khususnya ketika berlaku ketidaktentuan politik. Bagi institusi TYT yang tidak mentadbir hal-ehwal pentadbiran harian, nilai institusi sering terserlah melalui kewibawaan simbolik, neutraliti di atas kepartian, serta peranan memastikan peralihan kuasa berlaku secara tertib mengikut berperlembagaan (Norris, 1998; Tyler, 2006; van Ham, 2024).

Sehubungan dengan itu, penilaian masyarakat terhadap institusi TYT tidak hanya bergantung pada pengetahuan tentang peruntukan berperlembagaan, tetapi turut dipengaruhi oleh bagaimana rakyat mentafsir tindakan institusi semasa krisis politik, serta sejauh mana institusi dilihat mempamerkan neutraliti, ketegasan prosedur, dan konsistensi dengan semangat berperlembagaan (Tyler, 1990, 2006). Dalam erti kata lain, literasi berperlembagaan dan pembentukan persepsi yang menjadi asas kepada variasi penilaian juga memainkan peranan. Literasi berperlembagaan dalam konteks kajian ini merujuk kepada tahap pengetahuan asas rakyat tentang kedudukan institusi TYT dalam kerajaan negeri (cara pelantikan, tempoh jawatan, peranan utama, dan sempadan kuasa). Variasi literasi ini biasanya dipengaruhi oleh faktor demografi (umur, pendidikan, lokasi bandar-luar bandar), pendedahan media, serta pengalaman politik setempat. Secara teori dan logik kajian, literasi yang lebih tinggi dijangka menghasilkan penilaian yang lebih bermutu dan berasas terhadap peranan TYT, termasuk pengiktirafan fungsi penstabil ketika krisis (Saidin, 2025; Zainurin & Wan Husin, 2025).

2.4. Jurang Kajian dan Sumbangan: Daripada Naratif Sejarah Kepada Pengukuran Empirikal

Sebagaimana yang telah dihuraikan, telah terdapat kajian lepas mengenai TYT Sabah dalam bentuk sejarah ringkas, biografi dan dokumentari. Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang mengukur persepsi masyarakat umum, khususnya hubungan antara kefahaman tentang konstruk berperlembagaan TYT dengan penilaian nilai institusi (legitimasi dan fungsi penstabil) adalah masih terhad. Kajian ini mengisi jurang tersebut melalui pendekatan survei persepsi masyarakat, sekali gus menyediakan asas bukti untuk

penambahbaikan komunikasi awam dan pendidikan sivik mengenai institusi TYT (Yeoh, 2020; Musa Haji Aman v. Tun Datuk Seri Panglima Juhar, 2020).

Selain fungsi perlembagaan, institusi TYT juga memainkan peranan istiadat dan simbolik melalui penganjuran atau penaungan acara-acara rasmi negeri dan persekutuan. Fungsi ini penting kerana ia membina imej kewibawaan institusi di mata rakyat, walaupun ia bukan fungsi eksekutif harian. Antara contoh fungsi istiadat yang lazim dikaitkan dengan TYT ialah program-program berkaitan dengan majlis adat-istiadat, penganugerahan Darjah-Darjah dan Pingat-Pingat Kebesaran Negeri, upacara sambutan rasmi bagi lawatan Ketua-Ketua Negara dan Ketua-Ketua Negeri di Malaysia (Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2024; Tze-Ken, 2005). Antara upacara rasmi yang secara tradisinya dihadiri oleh TYT ialah:

- a) Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- b) Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah
- c) Hari Kebangsaan Malaysia
- d) Hari-Hari Kebesaran Agama Islam seperti Ma'al Hijrah dan Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w
- e) Menyelaras Istiadat penyampaian bintang-bintang kebesaran negeri
- f) Menyelaras lawatan rasmi T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri
- g) Majlis Santapan Negeri bagi Pembesar-Pembesar Negara dan Negeri di Malaysia

Kehadiran TYT dalam upacara rasmi ini, jelas menunjukkan bahawa institusi TYT adalah simbol kerajaan negeri di samping berperanan penting sebagai elemen utama dalam acara-acara khas bertaraf negeri dan kebangsaan. Kehadiran TYT bukan setakat sebagai pelengkap tetapi lebih kepada sumber kuasa serta pembawa nilai kepada acara khas itu sendiri. Jadual 1 memaparkan senarai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri yang telah berkhidmat dan menabur bakti terhadap kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah sejak mencapai kemerdekaan melalui penubuhan Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 sehingga 2024 (skop kajian artikel).

Jadual 1: Senarai Nama TYT Sejak 1963 Hingga 2024

Jangkamasa Pelantikan	Nama TYT
1 Januari 2011 – 2024	Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin
1 Januari 2003 – 31 Disember 2010	Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah
1 Januari 1995 – 31 Disember 2002	Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai
1987 - 1995	Tun Datuk Seri Panglima Haji Mohd Said bin Keruak
27 Jun 1978 - 1987	Tun Datuk Haji Adnan Robert
26 Jun 1977 - 1978	Tun Datuk Haji Ahmad Koroh
28 Julai 1975 - 1977	Tun Datuk Mohd Hamdan bin Abdullah (Datuk Indan Kari)
16 September 1973 - 1975	Tun Datuk Haji Mohd Fuad Stephens
16 September 1965 - 1973	Tun Datuk Pengiran Haji Ahmad Raffae bin O.K.K. Pengiran Haji Omar
16 September 1963 - 1965	Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun

Sumber: Dipetik dari Bahagian Korporat dan Penerbitan Perpustakaan Negeri Sabah, *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Sabah (1963-2020)*, Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah, 2023.

2.5. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan sorotan literatur di atas, kerangka konseptual kajian ini menghubungkan kefahaman tentang konstruk perlembagaan TYT dengan penilaian nilai institusi TYT (legitimasi atau kepercayaan dan fungsi penstabil). Secara ringkas, semakin tinggi tahap kefahaman responden terhadap peranan dan sempadan kuasa TYT, semakin tinggi kecenderungan responden menilai TYT sebagai institusi yang sah, neutral, dan penting untuk kestabilan politik negeri. Hubungan ini dijangka dipengaruhi oleh faktor demografi dan pendedahan maklumat (Norris, 1998; Tyler, 2006). Gambarajah 1 menunjukkan model ringkas kerangka konseptual.

Gambarajah 1: Model Kerangka Konseptual Kajian*



*Microsoft. (2026). *Gambarajah model kerangka konseptual* [Gambarajah dijana oleh AI Microsoft Copilot]. Microsoft Copilot.

3. Metod Kajian

Pengumpulan data kajian berkaitan institusi kerajaan dan rakyat adalah amat mencabar terutama dari segi sumber yang dirujuk, pandangan yang telus dan kupasan isu berkaitan dengan kerajaan negeri dan rakyat. Justeru, untuk memahami persepsi masyarakat umum berkait dengan institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri memerlukan satu bentuk kerangka metod kajian yang relevan. Hal ini kerana, pendekatan kajian persepsi memerlukan satu bentuk pemahaman dari pelbagai sudut. Antaranya demografi responden, pensampelan, penggunaan bahasa etnik yang sesuai, pendekatan 'Face-to-Face Survey', kumpulan sasar responden yang melibatkan umur, lokasi kajian dan teknik analisis data yang tepat. Oleh itu, metod kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang lebih terarah kepada perolehan data lapangan bersifat persepsi masyarakat. Selain itu, temubual lapangan terhadap kumpulan sasar tertentu seperti ketua-ketua kampung, ketua masyarakat dan pimpinan masyarakat juga dijadikan sebagai sandaran bagi membina survei kajian bersifat persepsi.

Latar kepada pembangunan survei juga digariskan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan yang meneliti tulisan-tulisan tokoh dan para sarjana dalam ilmu mengenai institusi monarki di Malaysia khususnya. Oleh itu, objektif kajian adalah untuk menganalisis persepsi masyarakat umum berkaitan institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dengan meneliti corak persepsi yang pelbagai seperti yang akan dinyatakan dalam penemuan kajian. Dalam mendapatkan data yang bersesuaian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah penerokaan 'kehadiran di lapangan' dan 'menempatkan diri ke dalam masyarakat setempat' bagi memahami konteks persepsi yang pelbagai berlandaskan perkara yang dinyatakan sebelumnya. Pengumpulan data secara etnografik dilakukan untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan aspek persepsi dan pengetahuan rakyat terhadap institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri khususnya di negeri Sabah.

Petunjuk penting dalam menentukan pemberi maklumat utama ini adalah berdasarkan demografi iaitu dari segi peringkat umur, lokasi, pendidikan, jantina dan etnik yang boleh

membawa kepada pemahaman berbeza di setiap survei yang dilakukan. Namun yang menariknya, penentuan informan utama ini turut dibantu oleh informan lain untuk menentukan pemberi maklumat. Ini kerana hanya mereka dalam persekitaran yang lebih berpengetahuan mengetahui siapa, mengapa, di mana dan kenapa perlunya data persepsi ini diperolehi bagi mengukuhkan ketepatan kepada data lapangan.

Seterusnya, kajian ini akan menggunakan kaedah soal selidik iaitu seramai 688 orang responden yang telah dikenal pasti sebagai sampel dan kumpulan sasaran yang berpotensi bagi mendapatkan data persepsi kajian ini. Gabungan teknik soal selidik secara bersemuka digunakan untuk mendokumentasi demografi masyarakat tentang persepsi umum. Manakala temubual lapangan digunakan bagi pengesahan kepada data persepsi berlandaskan kepada informan utama yang terkait dengan institusi ini secara khusus.

3.1. Kutipan Data

Penyelidik merangka pelan kutipan data dalam tempoh dua bulan iaitu kutipan data bermula dari 6 September 2022 sehingga 24 November 2022. Fasa ini melibatkan seramai 688 orang responden yang berumur antara 18 tahun sehingga 70 tahun ke atas. Kutipan data ini menggunakan *survey 'Face-to-Face'* dan secara atas talian menggunakan *'Google Form Survey'* bagi memudahkan fasa kutipan data dalam mengatasi keciciran maklumat responden. Survei ini merangkumi daerah Kota Kinabalu, Ranau, Keningau dan Tawau. Pemilihan empat lokasi ini adalah berdasarkan kepada zon kependudukan utama negeri Sabah. Responden dipilih secara pensampelan rawak yang merentasi etnik, jantina, umur dan tahap pendidikan. Bagi memudahkan proses pengumpulan data ini berjalan lebih lancar, survei ini menggunakan bahasa setempat bagi memudahkan kefahaman mengenai soalan yang diajukan.

Penyelidik menggunakan hujah Genzuk (2003) khususnya tentang sifat serta tujuan atau *'nature'* dalam menjayakan projek penyelidikan yang bersifat etnografi. Hujah Genzuk membolehkan penyelidik bergantung kepada konsep bukan keterikatan kepada sesuatu rancangan dalam merangka strategi untuk mendapatkan data dan maklumat. Ini kerana penyelidik perlu terlebih dahulu meninjau serta memahami kehidupan masyarakat setempat yang sangat kompleks dan memakan masa, serta ikatan kepercayaan yang kuat untuk memastikan kepercayaan kepada mereka sama ada informan mahupun responden dalam keterikatan kelangsungan aktiviti harian mereka. Pendekatan yang dianjurkan oleh Genzuk ini juga memberi peluang kepada penyelidik untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran lokasi kajian sekali gus bersedia dengan sebarang kemungkinan atau jangkakan daripada informan serta responden yang dilibatkan dalam kajian lapangan.


4. Hasil Kajian

Bahagian ini menunjukkan laporan kutipan data serta dapatan kajian berdasarkan keputusan analisis data dan dalam masa yang sama menjelaskan maklum balas yang diberikan oleh responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Semua keputusan yang diperolehi dibentangkan dalam bentuk Carta. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian tentang persepsi Masyarakat Umum Berkait institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga perkara utama iaitu bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B memfokus kepada pengetahuan umum terhadap institusi TYT dan bahagian C berkait rapat dengan fungsi dan kuasa TYT.


4.1. Demografi Responden

Dapat dirumuskan berdasarkan demografi Carta 1(a)(b)(c)(d) di atas, terdapat 688 orang responden secara keseluruhan yang menjawab soal selidik ini dengan pecahan jantina lelaki seramai 398 orang manakala perempuan seramai 290 orang. Bagi pecahan daerah pula, Carta 1 (b), terdapat seramai 203 orang mewakili 29% responden di Daerah Kota Kinabalu, seramai 261 orang mewakili 38% responden di Daerah Tawau, seramai 142 orang mewakili 21% Daerah Keningau dan seramai 82 orang responden yang mewakili hanya 12% bagi Daerah Ranau. Daerah di Sabah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian Kudat, Bahagian Pantai Barat, Bahagian Pendalaman, Bahagian Sandakan dan Bahagian Tawau. Dua daripada kawasan dapatan kajian iaitu Kota Kinabalu dan Ranau adalah dari bahagian Pantai Barat.

Carta 1(a) – Demografi Responden – Pecahan Jantina




Carta 1(b) – Demografi Responden - Daerah




Manakala Keningau pula mewakili Bahagian Pendalaman dan Tawau mewakili Bahagian Tawau. Tuntasnya data kajian ini adalah dikutip dalam tiga daripada lima bahagian di negeri Sabah termasuklah bahagian pendalaman. Ini juga bermakna data kajian mewakili kawasan bandar dan luar bandar di samping hampir mewakili semua bahagian di Sabah.

Untuk maklumat berkaitan tahap pendidikan, Carta 1(c), kategori Pendidikan Tinggi iaitu responden yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang merupakan pecahan kategori tertinggi iaitu seramai 262 orang responden yang telah ikut serta dalam kajian ini. Ini diikuti oleh pecahan responden dalam kategori Pendidikan Menengah iaitu seramai 124 orang responden. Bagi kategori Pendidikan lain merangkumi Pendidikan Tinggi (memiliki Ijazah Doktor Falsafah) dan Pendidikan Rendah masing-masing seramai 43 orang responden.

Carta 1(c) -Demografi Responden – Tahap Pendidikan



Carta 1(d) – Demografi Responden – Pecahan Umur




Selebihnya adalah kategori Diploma seramai 89 orang responden, Sijil kemahiran seramai 38 orang responden dan Pendidikan Tinggi Sarjana seramai 21 orang. Bagi kategori Pendidikan yang tidak bersekolah, menunjukkan responden seramai 68 orang. Dari segi tahap pendidikan, secara jelas sebahagian besar daripada responden kajian ini menerima pendidikan formal dari tahap rendah (Pendidikan Rendah) sehinggalah ke tahap paling tinggi (memiliki Ijazah Doktor Falsafah). Manakala bagi pecahan kategori umur responden Carta 1(d), pecahan ini dibahagikan kepada enam kategori iaitu kategori umur 18 tahun – 29 tahun merupakan kategori umur responden yang paling ramai, seramai 410 orang responden. Kemudian, pecahan kategori umur 30 tahun – 39 tahun sebanyak 218 orang, 40 tahun – 49 tahun 44 orang, 50 tahun – 59 tahun 10 orang, 60 – 69 tahun 4 orang dan responden yang berumur bawah 18 tahun adalah 2 orang.

4.2. Persepsi Umum Terhadap TYT


Berdasarkan Carta 2 (a)(b)(c)(d)(e), terdapat lima pernyataan berkenaan dengan Persepsi Umum Masyarakat Sabah terhadap TYT yang merangkumi (1) Pemahaman Mengenai Peranan Institusi TYT; (2) Tempoh Lantikan TYT; (3) Kuasa dan Fungsi

Eksekutif TYT; (4) TYT Merupakan Kuasa Kerajaan Negeri Sabah; (5) DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Mencadangkan Pemilihan Calon TYT. Pada item 1 **Carta 2 (a)** yang menyatakan mengenai pemahaman Peranan Institusi TYT, terdapat 86% atau 591 responden yang menyatakan ‘YA’ dengan pernyataan tersebut. Manakala selebihnya mengatakan ‘TIDAK’. Ini dapat dilihat dari kategori Pendidikan Menengah seramai 28 orang responden, Pendidikan Rendah 21 orang responden dan Tidak Bersekolah 19 orang responden.

Carta 2(a) – Persepsi Umum: Pemahaman Mengenai Institusi TYT




Carta 2(b) – Persepsi Umum: Tempoh Lantikan TYT



Bagi item 2 Carta 2(b) iaitu tentang Tempoh Lantikan TYT, terdapat 60% atau seramai 416 orang responden memberikan jawapan selama “4 tahun”. Manakala selebihnya adalah seramai 129 responden memberikan jawapan pada tempoh lantikan “5 tahun” dan “8 Tahun” pula adalah seramai 16 orang responden. Menariknya, bagi jawapan mengenai tempoh lantikan TYT yang ‘boleh berkhidmat lebih dari 8 tahun’, seramai 127 atau 18% responden dari pelbagai tahap pendidikan memberikan jawapan tersebut.


Carta 2 (c) – Persepsi Umum: Kuasa Eksekutif TYT




Bagi item 3 Carta 2(c) yang memfokus kepada Kuasa Eksekutif TYT iaitu untuk mendapatkan persepsi umum masyarakat Sabah sama ada TYT mempunyai kuasa Eksekutif ataupun tidak dan hanya menjalankan hal-ehwal berkaitan adat istiadat sahaja. Berdasarkan hasil kajian, terdapat 593 orang atau 86% responden meletakkan persepsi tersebut kepada 'YA' iaitu TYT mempunyai kuasa Eksekutif dan bakinya 95 responden mengatakan "TIDAK" dengan berpandangan bahawa TYT hanya melaksanakan hal-ehwal istiadat sahaja. Dalam item 3 ini, semua dari wakil kategori tahap pendidikan dari 'Tidak Bersekolah' sehingga 'Pendidikan Tinggi (Ph.D)' memberikan kata YA iaitu TYT mempunyai kuasa Eksekutif. Menariknya lagi, semua responden dari kedua-dua kategori tidak bersekolah dan pemegang ijazah Ph.D mengatakan YA iaitu TYT sememangnya memiliki kuasa Eksekutif. Hasil dapatan kajian ini boleh disimpulkan bahawa kategori tahap pendidikan tidak memberikan sebarang perbezaan persepsi bagi persoalan yang berunsurkan perlembagaan yang lebih khusus dan ini menunjukkan tahap ilmu pengetahuan umum yang agak baik dalam kalangan rakyat Sabah merentasi semua tahap kategori pendidikan.

Manakala bagi item 4 Carta 2 (d), iaitu soalan mengenai 'TYT Merupakan Ketua Kerajaan di Negeri Sabah', seramai 610 orang responden mengatakan 'YA' dan 78 orang responden memberi persepsi kepada jawapan "TIDAK". Bagi jawapan 'YA', secara majoriti ia mencakupi semua kategori tahap pendidikan. Ini secara langsung, rata-rata rakyat Sabah mempunyai pandangan asas berkenaan dengan isu fungsi pentadbiran TYT sebagai Ketua Kerajaan. Manakala responden yang mengatakan 'TIDAK' secara majoritinya adalah dari kategori Pendidikan Menengah (16 orang) dan Pendidikan Tinggi Ijazah Pertama (47 orang). Sekilas pandang, dapatan sebegini mungkin tidak wajar kerana responden dua kategori adalah mereka yang berpendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, responden mungkin terkeliru atau menyamakan frasa "Ketua Kerajaan" dengan "Ketua Eksekutif". Sungguhpun demikian, dapatlah disimpulkan di sini bahawa sekali lagi kategori tahap pendidikan tidak mencerminkan sebarang perbezaan yang ketara terhadap tahap pengetahuan umum tentang TYT sebagai Ketua Kerajaan. Ini kerana ketiga-tiga kategori Tidak Bersekolah, Pendidikan Rendah dan Pendidikan Tinggi Ph.D semuanya ada memberikan jawapan 'YA'.

Carta 2 (d) – Persepsi Umum: TYT Merupakan Ketua Kerajaan Negeri Sabah



Carta 2 (e) – Persepsi Umum: DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Mencadangkan Pemilihan Calon TYT



Bagi item terakhir pada bahagian B ini iaitu item 5 Carta 2 (e) mengenai “DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Mencadangkan Pemilihan Calon TYT”, seramai 503 atau 73% responden mengatakan ‘YA’ dan selebihnya iaitu seramai 185 orang responden mengatakan “TIDAK”. Merujuk kepada dapatan kajian ini, rata-rata responden dari semua kategori tahap pendidikan khususnya kategori ‘Tidak Bersekolah’ dan ‘Pendidikan Tinggi Ph.D’ memiliki tahap pengetahuan asas yang baik tentang peranan YDP Agong dalam pelantikan TYT. Secara tidak langsung, dapatan ini juga turut memberikan gambaran awal tentang kefahaman umum responden mengenai peranan dan fungsi keseluruhan YDP Agong dalam pentadbiran negara.

4.3. Kuasa TYT


Bahagian ini memaparkan data serta proses menganalisis data oleh penyelidik terhadap bidang kuasa dalam beberapa perkara yang berkait rapat dengan kuasa dan fungsi eksekutif yang dimiliki oleh TYT. Berdasarkan Carta 3 (a)(b)(c)(d)(e)(f) di bawah iaitu persepsi terhadap kuasa dan fungsi TYT, terdapat 6 item dengan pernyataan berbeza:

- (1) TYT mempunyai kuasa dalam membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN)
- (2) Pelantikan Ketua Menteri Adalah Di Bawah Bidang Kuasa TYT
- (3) TYT Adalah Ketua Agama Islam di Negeri Sabah
- (4) TYT Merupakan Ahli Majlis Raja-Raja
- (5) Kriteria Pelantikan Seseorang TYT Adalah Beragama Islam
- (6) TYT Mempunyai Kuasa Untuk Mengampun Pesalah Jenayah

Pernyataan bagi item 1 sehingga item 5 mencatatkan skala persepsi “YA” atau “TIDAK”. Manakala bagi item 6, skala persepsi adalah “BETUL’ atau “Salah”.

Dapatan kajian untuk item 1 Carta 3 (a) menunjukkan skala persepsi berada pada jawapan “YA” iaitu mewakili 75% atau 514 orang responden menyatakan persepsi bahawa TYT mempunyai kuasa dalam membubarkan Dewan Undangan Negeri, manakala sebaliknya seramai 174 orang responden memberi persepsi “TIDAK”.


Carta 3 (A) – Kuasa TYT: TYT Mempunyai Kuasa Dalam Membubarkan Dewan Undangan Negeri




Bagi item 2 Carta 3 (b) pula, sebanyak 76% atau seramai 525 orang responden memberi persepsi “YA” bahawa pelantikan Ketua Menteri adalah di bawah bidang kuasa TYT. Sebaliknya, persepsi seramai 163 orang responden mengatakan “TIDAK” iaitu TYT tidak mempunyai bidang kuasa terhadap lantikan Ketua Menteri. Dapatan data bagi Carta 3 (a) dan (b) adalah menarik kerana tiada perbezaan ketara antara kategori ‘Tidak Bersekolah’ dan ‘Pemegang Ijazah Ph.D.’ iaitu kedua-duanya memberikan jawapan yang betul. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai kuasa pelantikan Ketua Menteri oleh TYT juga meluas dan merentasi tahap pendidikan responden. Dapatan seperti ini juga boleh disebabkan oleh liputan media massa yang begitu tersebar dan menular sehingga menjadi berita sensasi setiap kali pelantikan Ketua Menteri yang baharu.

Untuk item 3 Carta 3 (c), persepsi ini boleh dikatakan seimbang berbanding persepsi item kedua. Ini kerana item mengenai TYT adalah Ketua Agama Islam di Negeri Sabah memberi persepsi “YA” hanyalah seramai 410 orang berbanding persepsi “TIDAK” iaitu seramai 278 orang responden. Hasil daripada dapatan ini mungkin menunjukkan bahawa rata-rata rakyat Sabah melihat fungsi institusi TYT bukan hanya untuk melaksanakan hal-hal berkaitan Islam tetapi peranannya lebih luas meliputi aspek politik dan sosio-ekonomi.

Carta 3 (b) – Kuasa TYT: Pelantikan Ketua Menteri Adalah Di Bawah Bidang Kuasa TYT



Carta 3 (c) – Kuasa TYT: TYT Adalah Ketua Agama Islam di Negeri Sabah




Sebaliknya bagi item ke 4 Carta 3 (d), iaitu tentang persepsi bahawa “TYT merupakan ahli Majlis Raja-Raja”. Dapatan kajian menunjukkan seramai 599 orang responden atau 87% menyatakan “YA” dan “Tidak” seramai 89 orang atau sebanyak hanya 13% sahaja. Maklumat daripada data ini menjelaskan bahawa majoriti rakyat Sabah faham tentang hubungan dan keahlian institusi TYT dengan Majlis Raja-Raja.

Bagi item 5 Carta 3 (e), berkenaan dengan kriteria pelantikan TYT iaitu individu tersebut adalah dalam kalangan beragama Islam, seramai 562 orang responden memberikan persepsi “YA”. Manakala persepsi “TIDAK” mengenai kriteria pelantikan ini adalah seramai 126 orang responden. Berbanding dengan dapatan Carta 3 (c), oleh kerana salah satu fungsi TYT ialah menerajui kepimpinan agama Islam di Sabah, maka sedikit sebanyak ia mempengaruhi jawapan responden untuk mengatakan bahawa pelantikan calon bagi TYT sudah semestinya dari individu yang beragama Islam.


Seterusnya, item terakhir iaitu merujuk kepada item 6 Carta 3 (f) menunjukkan seramai 423 orang responden atau 61% memberikan persepsi “BETUL” tentang pernyataan bahawa “TYT Mempunyai Kuasa Untuk Mengampunkan Pesalah Jenayah”. Selebihnya responden memberikan persepsi “SALAH” seramai 265 orang atau 38% dari keseluruhan sampel kajian ini. Bagi dapatan kajian ini, analisis yang dapat di buat ialah perkara yang berkaitan dengan proses perundangan berkemungkinan memberikan sedikit kesukaran

kepada responden untuk memberikan jawapan yang betul iaitu TYT sememangnya mempunyai kuasa untuk mengampunkan pesalah jenayah. Di samping itu, satu kemungkinan lain yang boleh disimpulkan ialah 'kuasa TYT untuk mengampunkan pesalah' adalah antara ciri atau kuasa TYT yang paling kurang diketengahkan atau diuar-uarkan.

Carta 3 (d) – Kuasa TYT: TYT Merupakan Ahli Majlis Raja-Raja




Carta 3 (e) – Kuasa TYT: Kriteria Pelantikan Seseorang TYT Adalah Beragama Islam



Berdasarkan kepada analisis dan perbincangan penemuan kajian, beberapa rumusan penting yang dapat diketengahkan khususnya berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri dikemukakan sebagai asas pemahaman umum terhadap institusi ini baik dari aspek perundangan mahu pun pemerhatian orang awam. Pertama, institusi TYT adalah berstatus sebagai Ketua Negeri iaitu individu yang menjawat jawatan ini berada di kedudukan tertinggi dalam stratifikasi kerajaan negeri, manakala, Ketua Parlimen adalah komponen dalam Parlimen Malaysia dan Yang Di-Pertuan Agong (YDPA) adalah sebahagian daripada rangkaian proses dalam urusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang membolehkan satu-satu rang undang-undang disempurnakan secara *procedural*. Kedua, institusi TYT di negeri Sabah, sama seperti amalan di negeri Pulau Pinang, Sarawak dan Melaka, meletakkan Tuan Yang Terutama

sebagai Ketua Negeri yang menjadi pelengkap kepada struktur Kerajaan Negeri dan TYT mempunyai bidang kuasa untuk membubar sekaligus melantik ketua Menteri di negeri-negeri berkenaan.

Carta 3 (f) – Kuasa TYT: TYT Mempunyai Kuasa Untuk Mengampun Pesalah Jenayah



Ketiga, Yang di-Pertua Negeri menjalankan Kuasa Eksekutif mengikut Perlembagaan Negeri dan mengeluarkan keputusan di peringkat ketua negeri dengan bimbingan dan nasihat daripada Jemaah Menteri atau Ketua Menteri. Sungguhpun begitu, TYT juga boleh mengambil tindakan mengikut budi bicaranya dalam melaksanakan beberapa fungsi utama sebagai TYT seperti melantik Menteri Besar dan menangguhkan daripada meluluskan permohonan untuk membubarkan Dewan Undangan. Ini kerana kelulusan daripada Yang Di-Pertua Negeri diperlukan bagi memastikan semua undang-undang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

Keempat, seperti yang dimaklumi, negeri Sabah tidak mempunyai Raja ataupun Sultan. Sebaliknya, Gabenor adalah mewakili ahli Majlis Raja-Raja. Setiap mesyuarat yang dihadapinya akan diiringi oleh Ketua Menteri Sabah. Bagaimanapun, Yang Di-Pertua Negeri tidak boleh mengundi untuk memilih Yang Di-Pertuan Agong dan tidak boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Kelima, sehingga ke hari ini, amalan pelantikan TYT di negeri Sabah kekal digalas oleh individu yang beragama Islam seperti ulasan berikut:

“Presiden Peguam Syarie Sabah, Abdul Razak Jamil, berkata pelantikan TYT juga adalah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Ketua Menteri Sabah.

“TYT secara konvensyen akan menjalankan tugas dan mewakili Yang di-Pertuan Agong dalam isu-isu pengurusan dan pentadbiran agama Islam di negeri ini.”

“Pelantikan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sabah secara konvensyen dipilih dalam kalangan orang Islam bagi mewakili Yang di-Pertuan Agong dalam isu pengurusan dan pentadbiran agama Islam di negeri ini.”

"Walaupun dalam Perlembagaan Negeri Sabah tiada menyatakan secara jelas agama TYT, namun memandangkan agama rasmi bagi Negeri Sabah adalah Islam seperti yang termaktub dalam Perkara 5 (A) Perlembagaan Negeri Sabah, maka secara konvensyen dan sewajarnya ketua utama negeri Sabah adalah dalam kalangan orang Islam.

"Amalan secara konvensyen ini sudah berlaku sejak merdeka lagi dan tidak pernah berlaku apa-apa keadaan yang mengganggu gugat keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di negeri ini," katanya (Izwan Abdullah, 22 Oktober 2022)

Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa berdasarkan fakta yang dikemukakan menunjukkan bahawa sehingga ke hari ini, pelantikan seseorang yang berkelayakan untuk menjawat jawatan sebagai TYT di negeri Sabah adalah secara bersyarat bagi aspek agama dan tujuan individu berkenaan dipilih dalam kalangan mereka yang beragama Islam.

4.4. TYT Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah (2011- 2024)

Dalam pada itu, kajian ini memberikan sedikit latarbelakang TYT Sabah yang ke-10 berkhidmat dari tahun 2011- 2024 (sebagai memenuhi skop kajian) bagi mengaitkan kepentingan persepsi rakyat Sabah terhadap institusi tertinggi ini khasnya dalam menjaga hal-ehwal pentadbiran kerajaan negeri dan kebajikan rakyat. Secara ringkasnya, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (lahir 5 November 1953) ialah ahli politik Malaysia yang berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah ke-10 sejak 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Wolverhampton, England. Beliau juga merupakan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah ke-7 dan Timbalan Yang DiPertua Dewan Rakyat ke-11. Beliau adalah antara pengasas UMNO negeri Sabah.

TYT Sabah yang ke-10 ini dilahirkan di Pulau Tambisan, Sandakan Sabah pada tahun 1953 iaitu bapa beliau, Mahiruddin Husin adalah ahli Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO). Tun Juhar telah menerima ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Politeknik Wolverhampton pada tahun 1977 dan telah dipanggil ke Bar di Lincoln's Inn pada tahun 1980. Beliau berkhidmat sebagai hakim kelas pertama dari 1981 hingga 1982 dan menjalani latihan swasta dari 1982 hingga 1985.

Pada tahun 1986, beliau dilantik sebagai Setiausaha Politik di Jabatan Ketua Menteri sehingga tahun 1989 sebelum dilantik sebagai Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat pada tahun 1990. Pada tahun yang sama, beliau menyandang kerusi Ahli Parlimen Kinabatangan selama dua penggal sehingga tahun 1999 sebelum dilantik sebagai Yang Di-Pertua DUN Sabah pada 5 Disember 2002 (Wendy Radin, 31 Disember 2010).

Seterusnya, pada 22 Disember 2010, beliau telah ditabalkan sebagai Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah ke-10 oleh Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin mulai 1 Januari 2011 (*Mstar*, 22 Disember 2010; *Malaysiakini*, 1 January 2011 – website ini tidak dapat dirujuk. Sumber alternatif ada dinyatakan dalam rujukan). Tun Juhar Mahiruddin telah dianugerahkan gelaran Tun iaitu anugerah gelaran tertinggi di Malaysia yang hanya boleh dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong yang setaraf dengan gelaran "Lord" di United Kingdom. Penerima anugerah ini akan menerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) atau Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia, Seri Setia Mahkota (SSM) (Laman Web Rasmi Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, 2025).

Semasa memegang tampuk pemerintahan sebagai TYT, Tun Juhar berhadapan dengan situasi politik negeri Sabah yang agak getir (sama seperti era 1984-1985 dan 1994) apabila berhadapan dengan tragedi pembubaran DUN Sabah sebanyak dua kali masing-masing pada 12 Mei 2018 dan 30 Julai 2020. Pada ketika ini, kerajaan negeri yang ditadbir parti Warisan perlu meyakinkan beliau berkenaan dengan kedudukan kerajaan yang masih utuh dan masih mempunyai majoriti ADUN. Walau bagaimanapun, Tan Sri Musa yang memimpin Barisan Nasional (BN) berjaya menunjukkan bahawa kerajaan pimpinan Datuk Seri Shafie sudah hilang majoriti pada ketika itu (Mohd Izham Unnip Abdullah, 12 Mei 2018); Malaysiakini, 30 Julai 2020).

Kedua-dua insiden pembubaran DUN dalam tempoh perkhidmatan Tun Juhar adalah saling berkaitan apabila kedua-dua kerajaan Barisan Nasional dan kerajaan Warisan pada ketika itu menggunakan peruntukan sedia ada dalam Perkara 17A Perlembagaan Negeri Sabah. Hal yang demikian menjelaskan tentang bagaimana institusi TYT membuka ruang dari sudut perundangan untuk mana-mana parti politik bagi mengemukakan syor dan mengadap beliau bagi tujuan pembubaran DUN, perlantikan Ketua Menteri dan pemberitahuan tentang kesahan sokongan daripada ADUN yang menang dalam pilihanraya negeri (Astro Awani, 30 Julai 2020). Peristiwa seperti ini juga menunjukkan betapa perlunya meningkatkan tahap pemahaman rakyat Sabah tentang peri pentingnya institusi TYT dalam mengekalkan kestabilan politik untuk pemartabatan kemaslahatan rakyat jelata. Dengan ini juga, kajian berdasarkan survei ini dapat memberikan maklumat terpenting kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan pendidikan berterusan kepada penduduk Sabah agar tahap pemahaman berkenaan institusi TYT dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

5. Kesimpulan

Secara naratif, bicara tentang institusi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh menyentuh pelbagai sudut politik dan pentadbiran kerajaan negeri di bawah bayu ini. Dalam konteks kajian ini, dapatan menunjukkan tingkat kefahaman berkenaan dengan institusi ini mempunyai kepelbagaian dari segi kefahaman dan persepsi. Kepelbagaian dan kerencaman ini diterjemahkan berlandaskan kepada pemahaman umum berdasarkan naratif kepentingan dan naratif pendidikan.

Naratif kepentingan menjelaskan mengenai persepsi umum yang berlandaskan kepada pengetahuan dasar ataupun asas mengenai institusi ini. Ini dilihat berdasarkan kepada temuan kajian yang hanya bersifat kepada persepsi pengetahuan melalui pengalaman dan melalui detik tersebut atau dipanggil sebagai '*memoir of collectivisme*' iaitu persepsi itu hadir dalam bentuk pengalaman, penglihatan, pengamatan dan melalui perbualan ataupun aktiviti harian masyarakat umum. Berbeza dengan naratif pendidikan, pengetahuan berlandaskan sumber ilmu memberi konotasi persepsi berbeza mengenai naratif persepsi tersebut. Naratif pendidikan amat penting apabila keperluan dari segi pengekalan kepada institusi ini harus diambil berat bagi pengetahuan masyarakat umum dalam menilai keampuhan dan kemegahan institusi ini. Malah bagi mencerakinkan kebenaran kepada persepsi ini, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi mendaulatkan institusi ini dalam konteks masyarakat umum. Walaupun hasil kajian ini hanya bersifat kepada persepsi pengetahuan melalui pengalaman dan melalui detik tersebut atau '*memoir of collectivisme*', ia tetap merupakan input indikator yang berguna mengenai tahap kepekaan umum mengenai institusi TYT di Sabah sebagai memberikan justifikasi untuk langkah memperkukuhkan kefahaman berkenaan dengan institusi ini.

Selain daripada itu, wujud juga pentakrifan dari sudut pemerintah yang memberi gambaran berbeza dengan takrifan harian masyarakat umum terhadap institusi TYT ini. Hal ini jelas menggambarkan ketidakseimbangan pemahaman dari sudut fungsi dan kuasa institusi ini dari sudut pandang masyarakat umum, walaupun mereka yang mempunyai pendidikan tinggi. Oleh itu, perlunya penekanan dari sudut dasar pemerintah bagi memberi makna yang lebih cakna kepada pendidikan dalam arus negara bangsa moden agar institusi ini terus kekal untuk secara naratifnya dari segi fungsi dan kuasa yang menjadi simbol dan teras kepada perlembagaan di Malaysia, khususnya di Sabah.

Konstruk perlembagaan negeri Sabah adalah petunjuk kepada amalan dan pemahaman umum terhadap institusi Tuan Yang Terutama Negeri Sabah baik sebagai simbol kerajaan negeri, mekanisme untuk memberi makna kepada pentadbiran negeri dari sudut perundangan mahu pun sebagai pelengkap kepada komponen eksekutif dalam Dewan Undangan Negeri.

Persepsi dan pendapat umum rakyat negeri Sabah khasnya dan rakyat Malaysia amnya adalah berlandaskan kepada situasi semasa politik negeri di samping keputusan serta tindakan institusi TYT yang juga berteraskan kepada pimpinan kerajaan negeri serta konteks politik sesuai dengan keadaan serta isu khasnya isu politik dan perlembagaan yang pernah dihadapi parti yang memerintah serta diberikan mandat sebagai kerajaan. Kedua-dua konstruk perlembagaan dan pandangan masyarakat khususnya rakyat negeri Sabah adalah penting dalam memahami peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan negeri Sabah yang memberikan kuasa kepada TYT dalam pembuatan keputusan. Demikianlah juga dengan pendapat rakyat negeri Sabah yang secara lateral menjelaskan kehendak serta perbincangan hangat dalam kalangan rakyat biasa terhadap institusi ini. Peruntukan yang digariskan sebagai skop tugas, kuasa serta ruang lingkup bertindak oleh institusi TYT seharusnya menjadi panduan kepada semua pihak dalam memahami kuasa institusi TYT dalam pengurusan dan pentadbiran negeri Sabah.

Kedua-dua aspek sumber perundangan iaitu perlembagaan negeri Sabah dan tanggapan orang awam adalah signifikan kepada pengukuhan institusi TYT di negeri ini khasnya dalam keadaan apabila kerajaan negeri dan rakyat meletakkan matlamat dan hasrat bahawa institusi ini kekal relevan sebagai komponen penting yang memberikan manifestasi fungsi serta hala tuju kerajaan di negeri ini. Oleh yang demikian, implikasi kajian ini telah memberikan suatu dapatan ilmu khasnya berkenaan dengan tahap pemahaman rakyat Sabah yang pelbagai dan rencam tentang peranan dan fungsi institusi TYT dalam sistem pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Bagi kepimpinan kerajaan negeri pula, satu usaha gigih perlu dilakukan dalam mendidik rakyat Sabah agar sentiasa celik dan arif memahami institusi TYT yang amat mustahak ini bagi mengekalkan kestabilan politik khasnya di negeri di bawah bayu ini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Prosedur kajian yang melibatkan penyertaan manusia ini telah disemak dan diperakui mengikut garis panduan etika Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (PPP, UMS).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menerima tajaan geran penyelidikan dari Universiti Malaysia Sabah

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Kajian ini tidak memiliki sebarang konflik kepentingan khasnya berkaitan dengan penyelidikan, pengarang atau penerbitan.

Senarai Rujukan

- Abdullah Zakaria. (2019). Adat Penggantian Dalam Kesultanan Melayu: Penerusan dan Perubahan. Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-43, 8 Ogos. https://eprints.um.edu.my/23605/1/%282%29%20Adat%20Penggantian%20dalam%20Kesultanan%20Melayu_Penerusan%20dan%20Perubahan.pdf
- Anwar Sullivan & Cecillia ed. (1981). *Commemorative History of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah State Govt.
- Asmady Idris & Suzalie Mohamad. (2014). Kelangsungan Dominasi Barisan Nasional di Sabah Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. *Kajian Malaysia*. 32(Supp. 2), 171–206.
- Astro Awani* (2020, 30 Julai). Warta Kerajaan Negeri Sabah Pembubaran DUN. <https://www.astroawani.com/berita-politik/warta-kerajaan-negeri-sabah-pembubaran-dun-253378>
- Bahagian Korporat dan Penerbitan Perpustakaan. (2023). *Negeri Sabah, Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Sabah (1963-2020)*, Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah, 2023.
- Borneo Post. (2015, January 2). Juhar Mahiruddin Sworn in as Sabah Yang Dipertua Negeri for Second Term. <https://www.theborneopost.com/2015/01/02/juhar-mahiruddin-sworn-in-as-sabah-yang-dipertua-negeri-for-second-term/>
- Bouckaert, G., Van de Walle, S., Maddens, B., & Kampen, J. K. (2002). Identity Versus Performance: An Overview of Theories Explaining Trust in Government. Public Management Institute Report. Katholieke Universiteit Leuven. https://soc.kuleuven.be/io/pubpdf/IO0505002_identity.pdf
- Chin, James. (2004). Sabah And Sarawak: The More Things Change the More They Remain the Same. *Southeast Asian Affairs*. 156-168
- Constitution of the State of Sabah, Article 2 & 3 of Sabah Constitution, 2025, <https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/Constitution%20of%20the%20State%20of%20Sabah%20.pdf>
- Federal Constitution. (2010). Part V, The States, Precedence of Rulers and Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri. <https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/perlembagaan-persekutuan-bi.pdf>
- Genzuk, M. (2003). A Synthesis of Ethnographic Research. Occasional Papers Series. Center for Multilingual, Multicultural Research. Rossier School of Education, University of Southern California. Los Angeles. Retrieved from

- https://rossierapps.usc.edu/facultydirectory/publications/33/Ethnographic_Research.pdf
- Haji Awang Zamhari, A. M. Z. K. (2020). Tun Datu Mustapha Harun (1961 – 1995): Cabaran Dan Pencapaian Dalam Politik Sabah. Tun Datu Mustapha Harun (1961 – 1995): Cabaran Dan Pencapaian Dalam Politik Sabah. Tesis Sarjana, Program Pengajian Sejarah & Antarabangsa, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam 2018/2020. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.25354.95689>
- Han, Sin Fong. (1979). A Constitutional Coup D'Etat: An Analysis of the Birth and Victory of the Berjaya Party in Sabah, Malaysia, *Asian Survey*, Apr.,19(4), 379-389
- Idris, A., Omar, M. A., Idris, R. Z., Mohamad, S., Sarjono, F., & Ahmad, S. H. A. (2024). Monarchy Institution and Sabah Political Stability. *Revista De Gestão - RGSA*, 18(5), e06018. <https://doi.org/10.24857/rgsa.v18n5-173>
- ISIS Malaysia. (2020, October 8). The appointment of Sabah's CM. *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia*. <https://www.isis.org.my/2020/10/08/the-appointment-of-sabahs-cm/>
- Izwan Abdullah .(22 Oktober 2022). Secara konvensyen TYT Sabah dilantik dalam kalangan orang Islam. *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1007335/secara-konvensyen-tyt-sabah-dilantik-dalam-kalangan-orang-islam>
- Junaidi Awang Besar, Muhammad Yusuf Idris & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pengaruh Kepimpinan Politik Kepartian Berasaskan, Etnik Terhadap Pola Keputusan PRU DUN Sabah 2020. *E-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(9), 39-60, <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/44610/11478>
- Laman Web Rasmi Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa. (2025). Semakan Penerima Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat. <https://www.istiadat.gov.my/semakan-penerima-darjah-kebesaran-bintang-dan-pingat/>
- Laman Web Rasmi Istana Negeri. (2024). Fungsi TYT. <http://istana.sabah.gov.my/Fungsi.html>
- Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (2024). Yang di-Pertua Negeri. <https://sabah.gov.my/ms/content/yang-di-pertua-negeri>
- Malay Mail*. (2020, September 3). Federal Court Must Decide Constitutionality of TYT's Exercise of Power To Remove CM, Justice Rules in Judgment. <https://www.theedgemarkets.com/article/federal-court-must-decide-constitutionality-tyts-exercise-power-remove-cm>
- Malaysiakini (1 January 2011). Former Speaker Juhar Mahiruddin Sworn in As 10th Sabah Governor. <https://archive.is/0x9eC>
- Malaysiakini. (30 Julai 2020). Sekilas Kronologi Politik Sabah Dari PRU14 Ke Bubar DUN. <https://www.malaysiakini.com/news/536804>
- Mohd Salleh Abas. (2015). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Izham Unnip Abdullah. (12 Mei 2018). Drama Kejatuhan PBS pada 1994 berulang di Sabah. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/05/424535/drama-kejatuhan-pbs-pada-1994-berulang-di-sabah>
- Mohd Nasrun Mohd Talib & Saifulazry Mokhtar. (2020). Sumbangan Tun Sakaran Dandai Di Dalam Perkembangan Dakwah Islam Di Semporna, Sabah : Satu Analisis, *E-Proceeding of The International Conference On Education, Social Sciences & Technology*, 3-4 December 2020. https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Mohd-Talib/publication/395335435_ICEST_2021Sumbangan_Tun_Sakaran_Dandai_di_da

- lam_Perkembangan_Dakwah_Islam_di_Semporna_Sabah/links/68bd73b66fe8e57ec8e36437/ICEST-2021-Sumbangan-Tun-Sakaran-Dandai-di-dalam-Perkembangan-Dakwah-Islam-di-Semporna-Sabah.pdf
- Mohd Nasrun Mohd Talib, Hafiz Hamzah & Saifulazry Mokhtar. (2024). Kepimpinan Tun Sakaran Dalam Membentuk Masyarakat Madani Di Daerah Semporna: Satu Analisis, *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 9(37): 39-53, https://www.researchgate.net/profile/hafiz-bin-hamzah-2/publication/384572405_international_journal_of_law_government_and_communication_ijlgc_kepimpinan_tun_sakaran_dalam_membentuk_masyarakat_madani_di_daerah_semporna_satu_analisis_leadership_of_tun_sakaran_in_shaping_civil_society_links/66fe009b906bca2ac3de8e49/international-journal-of-law-government-and-communication-ijlgc-kepimpinan-tun-sakaran-dalam-membentuk-masyarakat-madani-di-daerah-semporna-satu-analisis-leadership-of-tun-sakaran-in-shaping-civil-so.pdf
- Mstar*. (2010). Juhar Mahiruddin Dilantik Yang Dipertua Negeri Sabah, 22 Disember 2010, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2010/12/22/juhar-mahiruddin-dilantik-yang-dipertua-negeri-sabah>
- Musa Haji Aman v. Tun Datuk Seri Panglima Juhar & Anor and Another Appeal. (2020). 5 MLA 540.
- Norris, P. (Ed.). (1998). *Critical Citizens: Global Support For Democratic Governance*. Oxford . University Press.
- Nor Shazeelyna Abas, Novel Lyndon, Nur Hafizah Yusoff, Zaini Othman & Nadiah Safirah Suznan. (2025). Tahap Literasi Politik Masyarakat Sabah Mengenai Hubungan Negeri-Persekutuan Berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) Dalam Kerangka Federalisme. *E-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*. 22(3), 180-194, DOI: <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/87340/17781>
- Omar, N. H., Kasim, A. C., & Manap, J. (2024). Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti Dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 518-532. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2103.40>
- Osman, S. K. (2025). Democracy and the Constitutional Monarchy in Malaysia: A . Constitutional Analysis of Monarchical Discretion and Democratic Legitimacy, 1983-. 2022. *JAWI*, 8(1), 103-116. <https://doi.org/10.24042/00202582772300>
- Sabihah Osman. (1992). Sabah State Elections: Implications for Malaysian Unity, *Asian Survey*, 32(4), 380-391
- Saidatul Badru Mohd. Said, Mohd. Sohaimi Esa, Ismail Ali, Saifulazry Mokhtar & Irma Wani Othman. (2023). Menyingkap Sumbangan Tun Mohd. Said Keruak Dalam Perkembangan Politik Di Sabah, Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 244-258. https://www.researchgate.net/publication/372577444_unveiling_tun_mohd_said_keruak's_contribution_in_political_development_of_sabah_malaysia
- Saidin, M. I. S. (2025). Barriers to youth political participation: Insights from Malaysia's lowered voting age policy (Undi18) in the 15th General Election. *Cogent Social Sciences*, 11(1), Article 2491710. <https://doi.org/10.1080/23311886.2025.2491710>
- Shad Saleem Faruqi. (2025). The resurgent role of the monarchy in Malaysia, *ISEAS Perspective*.2025/10). ISEAS-Yusof Ishak Institute. <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2025-10-the-resurgent-role-of-the-monarchy-in-malaysia-by-shad-saleem-faruqi/>

- State of Sabah. (1996). *Constitution of the State of Sabah*. Jabatan Cetak Kerajaan Negeri Sabah
- State Attorney General's Chambers Sabah. (n.d.). *The Constitution of the State of Sabah*. <https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/The%20Constitution%20of%20the%20State%20of%20Sabah.pdf>
- Shad Saleem Faruqi. (2025). The appointment of Sabah's CM, The Star, 9 October, <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/reflecting-on-the-law/2020/10/08/the-appointment-of-sabahs-cm>
- The Constitution of the State of Sabah. (2019), https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/TheConstitutionOfTheStateOfSabah_4.pdf
- Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo, 1881–1963)*. Singapore: University of Singapore.
- Tyler, T. R. (1990). *Why People Obey The Law*. Yale University Press.
- Tyler, T. R. (2006). Psychological Perspectives on Legitimacy and Legitimation. *Annual Review of Psychology*, 57, 375–400. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.57.102904.190038>
- Tze-Ken ed., (2005). *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*. Kota Kinabalu: Perpustakaan Sabah.
- Van Ham, C., & Van Elsas, E. (2024). When Legitimacy Becomes the Object of Politics: The Politicization of Political Support in European Democracies. *Frontiers in Political Science*, 6, Article 1363083. <https://doi.org/10.3389/fpos.2024.1363083>
- Wendy Radin. (2010, December 31). Juhar Mahiruddin, a Redoubtable Statesman. *Insight Sabah*. <https://web.archive.org/web/20110102070716/http://insightsabah.gov.my/article/read/716>
- Yeoh, T. (2020). Institutions, Constitutions and Political Alignment. *ISEAS Perspective* 2020/103. ISEAS–Yusof Ishak Institute. https://www.triciayeoh.com/wp-content/uploads/2020/11/ISEAS_Perspective_2020_103_TY.pdf
- Yun Mikail. (2020, 21 Ogos). Keputusan Mahkamah Daulatkan Undang-Undang. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/723383/keputusan-mahkamah-daulatkan-undang-undang>
- Zainurin, S. J., & Wan Husin, W. N. (2025). The Role of Political Knowledge and Civic Education in Motivating Student Participation in Elections: The Malaysian Case. *Journal of Educational and Social Research*, 15(6). <https://doi.org/10.36941/jesr-2025-0198>